

SKEMA PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TAHUN 2025

BAHASA MELAYU 1

TINGKATAN 5

-PERATURAN PEMARKAHAN-

BAHAGIAN A (30 markah)

Format penulisan komen :

Contoh: Cemerlang

T - menepati tugas

I – relevan, huraian jelas dan matang

B – gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas dan tepat

P - menarik dan berkesan

*Grafik dan maklumat di bawah berkaitan **sungai**.*

*Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang **sungai**.*

*Panjangnya huraian anda hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.*

Kehendak/tugasan soalan :

Calon perlu menulis **kepentingan sungai kepada manusia**.

Cadangan jawapan:

Bahan 1: Definisi sungai.

Bahan 2: Kepentingan sungai – Sungai sebagai sumber bekalan air bersih.

Bahan 3: Kepentingan sungai – Sungai sebagai sumber protein.

Sekiranya calon menghuraikan peranan sungai – terima seperti biasa.

Calon mesti **menyentuh semua bahan sama ada** sebagai idea utama, idea sampingan, contoh, pendahuluan atau kesimpulan.

Sekiranya calon menyentuh semua bahan dan menambah idea lain berkaitan **kepentingan sungai** - terima dan semak seperti biasa.

Jika calon tidak menyentuh semua bahan – maksimum **Kepujian (20-25)**.

Calon yang menulis **melebihi 210 patah perkataan atau hingga ayat itu berakhir** -maksimum **Kepujian (20-25)**.

Calon menulis **kurang daripada 140 patah perkataan** - maksimum **Memuaskan (15-19)**.

Calon menulis dalam bentuk poin – maksimum **Tidak Mencapai Tahap Penguasaan Minimum (1-9)**

Format : **Tidak berformat**

BAHAGIAN B (70 markah)

Format penulisan komen :

Contoh : Kepujian

T – menjawab tugas

I – relevan, huraian jelas

B- gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas dan tepat

P- menarik dan berkesan

Soalan 1 :

Permainan tradisional semakin dilupakan oleh generasi muda yang lebih tertarik dengan permainan video dan gajet. Menyedari hakikat ini, pihak sekolah memainkan peranan penting dalam usaha mempopularkannya seperti mengadakan pertandingan permainan tradisional. Dalam program ini, pelbagai jenis permainan seperti congkak, gasing, dan kedingting diperkenalkan kepada murid.

Sumber: www.metro.com.my

Huraikan usaha mempopularkan permainan tradisional yang terdapat dalam petikan berserta usaha-usaha lain.

Kehendak/tugasan soalan:

Calon dikehendaki menghuraikan **usaha-usaha mempopularkan permainan tradisional**.

2. Calon dapat menyatakan usaha-usaha mempopularkan permainan tradisional seperti yang terdapat dalam petikan:

- i. Pihak sekolah perlu **mengadakan pertandingan permainan tradisional** berserta usaha-usaha lain.

Kemungkinan jawapan:

Calon menghuraikan isi dalam petikan sahaja- **maksimum peringkat kepujian (55-63)**.

Calon menghuraikan isi luar sahaja - **maksimum peringkat kepujian (55-63)**.

Calon menghuraikan semua isi tetapi menggunakan pihak yang sama, usaha berbeza-**terima seperti biasa**

Soalan 2 :

Masalah buli merupakan satu perbuatan yang menyakitkan hati, fizikal, dan mental seseorang. Perbuatan ini boleh berlaku dalam pelbagai bentuk, sama ada melalui ejekan, ancaman, penderaan fizikal, atau buli siber. Kesan buli terhadap mangsa sangat serius dan boleh memberi impak yang mendalam kepada kehidupan mereka dalam jangka masa panjang seperti tekanan mental.

Sumber: Internet

Huraikan kesan yang dinyatakan dalam petikan di atas, berserta kesan-kesan lain masalah tersebut.

Kehendak/Tugasan soalan:

Calon dikehendaki **menghuraikan kesan yang terdapat dalam petikan di atas berserta kesan-kesan lain masalah tersebut iaitu:**

tekanan mental serta isi-isi luar yang lain.

Kemungkinan jawapan :

Calon menghuraikan isi dalam petikan sahaja- **maksimum peringkat kepujian (55-63).**

Calon menghuraikan isi luar sahaja - **maksimum peringkat kepujian (55-63).**

Soalan 3 :

Peristiwa 13 Mei 1969 merupakan tragedi rusuhan kaum yang menjadi konflik dan pertumpahan darah. Oleh itu, perpaduan kaum perlu dipupuk agar dapat mewujudkan negara yang harmoni. Perpaduan bukan sahaja dapat menarik pelabur asing malah dapat meningkatkan imej negara.

Sumber : Internet

Berdasarkan petikan, huraikan kepentingan-kepentingan mengekalkan perpaduan kaum di Malaysia.

Kehendak/ Tugasan soalan:

Calon dikehendaki menghuraikan **kepentingan-kepentingan mengekalkan perpaduan kaum di Malaysia.**

Calon dapat menyatakan **kepentingan-kepentingan mengekalkan perpaduan kaum di Malaysia** seperti berikut:

- i. mewujudkan negara yang harmoni.
- ii. dapat menarik pelabur asing.
- iii. meningkatkan imej negara

Kemungkinan jawapan:

Sekiranya calon menghuraikan semua idea dalam petikan dan menambah idea-idea lain yang berkaitan kepentingan - **diterima seperti biasa**.

Sekiranya calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan serta idea-idea lain-maksimum peringkat **Kepujian (55 - 63)**.

Sekiranya calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan sahaja – maksimum peringkat **Kepujian (55 - 63)**.

Sekiranya calon menghuraikan idea lain tanpa menyentuh idea dalam petikan - maksimum peringkat **Baik (45 - 54)**.

Sekiranya murid menulis selain kepentingan - maksimum **Memuaskan (35 - 44)**.

Soalan 4 :

Mutakhir ini, graduan yang memiliki ijazah sarjana muda bekerja sebagai kerani, penghantar makanan, atau operator pengeluaran. Hal ini merupakan realiti semasa yang tidak dapat dielakkan. Sudah pasti anak muda di universiti hari ini sedar akan realiti ini. Lantas, mereka perlu segera mempersiapkan diri untuk memasuki alam kerjaya.

Sumber : Berita Harian

Berdasarkan petikan di atas, huraikan persiapan-persiapan yang boleh dilakukan oleh graduan untuk memasuki alam kerjaya.

Kehendak/tugasan soalan:

Calon dikehendaki menghuraikan **persiapan-persiapan yang boleh dilakukan oleh graduan untuk memasuki alam kerjaya**.

Kemungkinan jawapan:

Calon menghuraikan **persiapan-persiapan graduan untuk memasuki alam kerjaya – layak Cemerlang (64-70)**

Calon menghuraikan idea dengan **tidak menyatakan pihak– maksimum peringkat kepujian bawah (55– 58)**

MAKLUMAT TAMBAHAN:

Jika calon menulis dalam bentuk poin (Bahagian A dan Bahagian B)- maksimum peringkat **TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM**.

Bahagian A

Sekiranya calon menulis kurang daripada 140 patah perkataan – maksimum peringkat **MEMUASKAN**.

Bilangan perkataan 211 dan ke atas - maksimum **KEPUJIAN**.

Bahagian B

Bilangan perkataan 339 dan ke bawah - maksimum peringkat **BAIK**.

Bilangan perkataan 511 dan ke atas - maksimum peringkat **KEPUJIAN**.

Perkataan yang dikira sebagai 1 patah perkataan :

Puisi

Alamat

Tarikh

Nama khas

Peribahasa

Maksud hadis/al-Quran/kata-kata tokoh

Penanda wacana

Tajuk (rencana/surat)

Kata sendi 'di' dan 'ke'

Angka

-PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT-